

Cerpen

Anjing Bernama Tosay

Zakaria Ali

KAU curikah anjing itu?

Tuduhanmu benar, ya aku curi.

Tapi aku wajarkan tindakanku itu dengan hujahan bahawa aku curi untuk menyelamatkan. Atau dengan bahasa yang lebih dramatis: untuk menyelamatkannya aku *terpaksa* curi.

Macamana?

Mulanya aku hantar sebuah kotak besar ke alamat di kawasan perumahan mewah, secara COD, zaman Covid. Banyak anjing berkeliaran dalam taman yang berpagar elektrik itu. Anjing-anjing itu menyalak bila aku turun dari *pickup* trakku dan picit loceng di tiang gerbangnya.

Macam orang Melayu yang lain, aku takut pada anjing. Setiap Melayu ada pengalaman buruk dengan anjing. Nampak, takut, kejar, gigit: inilah imej kekal di dalam kepalamku.

Aku terpandang ke dalam longkang tepi pagar rumah itu ada seekor anak anjing. Entah macamana dia telah terjelepuk jatuh ke dalam longkang. Dia menyalak tetapi salak yang minta tolong. Adakah ini anjing milik tuan rumah yang barangnya baru saja sampai tanpa membayar COD. Aku pengedar yang pemalu. Jika pelanggan tidak bayar, aku tidak minta.

Maka aku panggil anak anjing itu dengan satu nama yang terpalit di lidahku “Tosay” sebab warnanya yang putih kekuning-kuningan, gelang hitam di pangkal ekornya yang berbulu lebat, mengembang. Tosay pun mengupat-ngupit ekornya, berjalan ke arah aku.

Aku pun membongkok, genggam bulu di atas lehernya, dan angkat dia keluar, masukkannya ke dalam tempat duduk belakang.

Jadi ini ambilan yang sengaja yang tiba-tiba membawa makna curian yang tidak sengaja. Orang itu tadi tidak jelaskan CODnya maka anjingnyalah yang menjadi ganti, semacam *barter trading*. Tidak salah kan?

Salah!

Barter trading perlu persetujuan kedua-dua pihak. Aku hantar kotaknya mengharapkan bayaran COD. Dia ingkar. Jadi aku tukar saja kaedah ini menjadi DOD, *dog on delivery*. Hahaha, aku tertawa, padan muka.

Anak anjing duduk tanpa bergerak, sesenyal tikus, seolah-olah dia bersyukur sangat diselamatkan. Aku terus bawa dia balik ke rumah.

Dalam kawasan perumahan Retreat Tongahair Omeh tempat aku bermukim, Tosay susah menyesuaikan diri. Ada anjing-anjing tanpa tuan berkeliaran, dipimpin seekor bergelar The King yang saiznya besar, garang dan tinggi daripada tiga ekor yang lain yang mengikutnya ke mana saja dia pergi. The King ada *bodyguard* bernama Blackie, yang setia, ikut segala perintah.

Aku tidak boleh lupa hari pertama Tosay berada di halaman depan rumahku. Aku biarkan Tosay hidu kaki isteriku, dan juga 25 ekor kucing yang kami bela, supaya dia tahu dia kini adalah sebahagian daripada keluarga kami. Tiba-tiba The King dan Blackie yang menyorok di belukar sebelah halaman menerpa ke hadapan, menerkam Tosay pada lehernya, mengibas-ngibas dan membalingnya ke atas, semacam segumpal kain buruk. Mereka bergilir-gilir mengibas-ngibas anak anjing itu yang terkiak-kiak kesakitan.

Aku lari masuk ke dalam rumah, ambil lastik bersama beberapa biji guli sebagai peluru. Sempat aku lastik The King dan Blackie, kena berdengup, terkiak-kiak, terus menyelinap ke dalam semak semula, meninggalkan Tosay terkiak-kiak kesakitan.

Beberapa hari kemudian, Blackie diarah oleh The King pergi hidu punggung Tosay. Tosay mengibas-ngibas ekornya, suka sangat diciumi. Blackie tersengeh bukan tanda beri selamat datang tetapi tanda beri ingatan pendatang baru jangan harap diterima masuk ke dalam kumpulannya. Maka Tosay cepat faham, tidak keluar dari kawasannya, yakni, kawasan rumahku yang seperti rumah-rumah lain, di Retreat Tongahair Omeh tidak berpagar. Keluar kawasan kena belasah tanpa belas. Sebaliknya kumpulan The King boleh keluar masuk kawasan Tosay sesuka hati, sambil diperhatikan oleh Tosay yang menggilir menyorok di bawah kereta.

Penduduk Retreat Tongahair Omeh memandang The King dan kumpulannya sebagai *asset*. Kenapa? Mereka menghalau babi liar. Bila bulan mengambang dan hujan renyai-renyai selama tiga hari empat malam maka berduyun-duyun babi itu turun dari gunung memusnahkan kebun buah-buahan, bunga-bungaan, memajak halaman rumah sehingga terbongkah-bongkah macam bendang. Rosaklah landskap yang memang penduduk bangga, sering mereka warwarkan dalam *media social*, kawasan perumahan yang *high end*, lain dari yang lain. Semua percaya bahawa pemcerobohan berlaku lebih parah sekiranya tiada rondaan The King dan gengnya.

Ada penduduk seperti X, Y dan Z yang memberi kumpulan The King makanan, sisasisa dari restoran mewah yang mereka miliki. Yang bekerja di pejabat, bawa balik makanan lebihan dari mesyuarat yang tidak sudah-sudah. Ada terus beli berbuku-buku roti Gardenia yang dibalingnya dari tingkap kereta sekembalinya dari bandar. Ada juga yang beli makanan anjing siap dalam guni, simpan di Guard House, yang dijaga oleh Mahmud Orang Asli, untuk diagih-agihkan. Mahmud senang bila anjing-anjing itu melepak di situ, menjaga dia, menemaninya seorang di malam sunyi yang sering dibisingkan oleh ngilaian pontianak yang Mahmud kata dia ada ambil gambar dengan fon bimbitnya tetapi tidak pernah muahu tunjuk kepada sesiapapun.

Ada yang memberi makanan untuk dikongsi dengan binatang-binatang lain. Mereka letak di tepi jalan yang kebanyakannya berliku, seperti yang melencong masuk ke rumahku.

Di mana saja dilambakkan, anjing-anjing ini tahu. Selang beberapa minit mereka sampai, berebut-rebut dengan tupai, ular, beruk, babi hutan, dan ada sekali, harimau akar.

Kesemuanya ini adalah butir-butir yang Tosay perhatikan. Dia tahu di mana peluang, di mana bahaya.

Kawasan Retreat Tongahair Omeh terletak di tepi banjaran gunung Titiwangsa, di tengah-tengah kebun kelapa sawit seribu ekar yang terbiar, dirimbuni hutan. Bangunan kandang kuda dan banglo-banglo yang tidak berpenghuni kosong dijaga oleh The King dan kumpulannya. Tosay yang cerdik, juga meronda, pandai mengelak dari berselisih dengan The Kings dalam ronda-rondaan mereka.

Bila Tosay mulai membesar, saiz dan tinggi badan mula nampak macam jantan handalan. Maka hubungannya dengan kumpulan King dan Blackie mulai berubah. Bila mereka menyerang Tosay, mereka menyerang dua lawan satu. Tidak pernah aku saksikan seekor lawan seekor. Peluang satu lawan satu tersedia hanya beberapa tahun kemudian, yang akan kusentuh di hujung cerita. Setakat ini, Tosay amat berhati-hati tidak keluar jauh dari kawasan rumah. Kalau jauh manapun seperti dekat simpang masuk ke rumahku, Tosay memastikan aku nampak dia, boleh menolong sekiranya King dan Black ajak gaduh. King dan Blackie tahu bahawa tuan Tosay tidak ubah macam haiwan juga, ikut serta dalam pergaduhan mereka dengan Tosay, bersenjatakan lastik yang letal.

Namun bila kami tiada di rumah, musuhnya tahu. Itulah masanya mereka masuk menyerang Tosay. Satu kali Tosay lawan balik tetapi gustan, hingga masuk ke dalam anak sungai di belakang rumah. Dalam air pun mereka tidak tunjuk belas kepada Tosay yang hidung, telinga dan kaki kirinya cedera. Air sungai yang cetek itu, tempat mereka bertarung, dua lawan satu, Tosay pun mengenakan cedera kepada leher The King dan telinga kiri Blackie, dimamah hampir putus.

Itulah tanda awal bahawa Tosay tidak akan mengaku kalah.

Aku pelajari bahawa dalam dunia anjing, perlawanannya adalah sampai ke maut, selagi lawan boleh membunuh, yakni gigit leher di bahagian bawah. Kesan-kesan gigitan di leher Tosay menunjukkan itulah bahagian yang The King dan Blackie tujucari. Itu jugalah sasaran yang Tosay cari pada leher The King.

Satu hari dalam grup whatsapp penduduk Retreat Tongahair Omeh heboh percakapan tentang rumah En. Rakab, jiranku, telah dicerobohi. Laptopnya hilang. Dia tidak ada di rumah. Ramai penduduk mahu siasatan dijalankan: pukul berapa agaknya kecurian berlaku, apa kesan pecah pintu atau tingkap, kenapa Mahmud yang menjaga *gate* pada malam tidak menahan kereta atau motorsikal tanpa lencana masuk, selepas pukul 10 malam. Ada di kalangan kami mahu melaporkan kecurian kepada pihak polis. Jenayah pecah rumah curi barang adalah kes polis. Ada pula penduduk yang berbeza pendapat. Kita siasat dulu. Orang yang disyaki sudah dikenal pasti: budak Asli bernama Sukuni, saudara Mahmud, telah belajar ilmu sihir di Siam, kini menyeludup masuk ke kampungnya Gungci, terletak di sebalik bukit di Retreat Tongahair Omeh. Kini berlatih mengamalkan kemahiran hitamnya itu. Akhirnya kami bersetuju untuk tunggu dan nanti.

Ketua admin grup kami memberitahu bahawa dia sudah sampaikan utusan melalui Mahmud kepada Sukuni tentang terdedahnya perbuatan jahatnya itu. Keinginan untuk melaporkan kepada pihak polis itu merupakan satu tekanan kepada dia. Implikasinya ialah nanti kampong Gungci mendapat malu, menanggung nama busuk. Pemuda dan pemudi kampung itu tidak lagi diambil bekerja sebagai pemotong rumput, bersih rumah, jadi krew bersih sekolah, pejabat kerajaan dan kilang. Setitik nila sebelanga santan rosak. Bila orang sudah hilang kepercayaan kepada orang Asli maka susahlah nasib mereka nanti. Mahmud disuruh puju Sukuni pulangkan balik laptop itu. Setakat ini kisah kecurian itu kekal diketahui hanya oleh penduduk Retreat Tongahair Omeh dan di Kg. Gungci.

Mahmud berkata bahawa itu tidak mungkin. Sukuni sudah jual laptop itu kepada seorang pelajar di UPSI. Hasil jualan itu yang banyak itu, Sukuni borong dua puluh ekor ayam, 50 biji epal, dan tiga tong samsu todi, meraikan orang-orang Asli kampungnya, termasuk Mahmud sendiri, di pinggir hutan belakang kampung mereka. Mahmud juga memberi tahu admin grup kami bahawa Sukuni, bertambah berani, merancang hendak masuk Retreat Tongahair Omeh semula pecah rumah aku pula. Dia target *chain-saw* aku yang telah kupakai lebih dua puluh tahun.

Tarikh dan masa Sukuni mahu mulakan operasinya itu kami bincang dalam cakap-cakap WA. Inilah ketikanya penduduk bangkitkan isu anjing-anjing di Retreat Tongahair Omeh. Apa gunanya jika hanya menghalau babi hutan? Sukuni tidak takut pun. Padahal penjahat macam Sukuni inilah yang patut takut pada anjing-anjing itu. Selama ini tidak pernah ada kes pecah rumah. Kini peranan anjing-anjing itu mulai diragui, dipersoalkan.

Masalahnya, aku tidak pernah latih Tosay untuk buat ini, atau itu. Aku tidak ajar Tosay apa-apa kecuali namanya, yang kupanggil bila hendak bagi makanan, atau marah bila dia menyemak dalam bengkel semasa aku bertukang. Dia garang gila bila posman masuk hendak hantar surat, kotak atau bil. Posmen trauma kena kejar Tosay sehingga hari ini, surat atau barang-barang aku, dia tinggalkan saja di Guard House dengan Mahmud, dan kemudian aku pergi kutip di sana.

Aku bercakap dengan Tosay, lebih kurang begini: "Malam nanti duduk diam-diam di rumah, ronda belakang dekat bengkel, halau Sukuni yang ngada-ngada hendak masuk kali kedua."

Pada malam gelap tidak berbulan Sukuni masuk kawasan kami melalui lorong-lorong tikus dalam hutan, letak motorsikalnya dalam semak di luar sempadan. Dari situ ke rumahku dia ikut anak sungai. Dia masuk bengkel dengan memecah pintu belakang tanpa sebarang bunyi. Aku ada di rumah, di tingkat atas, bersedia menunggu salakan Tosay tetapi aku tiba-tiba tertidur, kena pukau. Tosay juga tertidur, turut kena pukau. Seperti yang kusudah agak, dia curi *chain-saw* aku.

Sebelum dia sempat selesaikan pencuriannya, dia kena tinggal seketul berak, syarat penting dalam ilmu hitam ini. Dia menunggu lebih lima minit perutnya tidak juga sakit maka Tosay terbangun entah kerana bau Sukuni yang hamis. Tosay tidak menyalak, terus menerkam kakinya seelok saja dia berdiri di tepi pintu, menggendong *chain-saw* yang berat itu.

Sukuni meraung kesakitan, mengulang-ulang jampi yang tidak lagi berkesan. Aku bergegas ke bawah, suluh lampu ke mukanya yang terpenyut kesakitan. Dia terduduk, gelang

kaki dalam gigitan Tosay yang menyentap ke kiri dan ke kanan. Nampak titisan darah di lantai. Dia menangis meminta maaf kepada aku, berjanji tidak akan buat lagi. Aku herdik dia, minta dia pulangkan balik laptop En. Rakab, satu permintaan yang mustahil sebab dia sudah jual benda itu.

Dia minta bayar balik harga yang dia jual, 500 ringgit. Mahmud aku panggil untuk pujuk Sukuni pulangkan duit. Berjaya pujukan Mahmud itu. Sukuni berkata Mahmud pergi ke motornya dan ambil duit yang tersimpan di dalam bungkusan plastik di bawah duduk motornya. Mahmud pergi dan pulang kembali membawa 500 ringgit yang aku serahkan kepada En. Rakab.

Maka dalam zaman aman tiada lagi kecurian di Retreat Tongahair Omeh, perebutan kuasa berlaku antara Tosay dan The King and gengnya. Tosay mahu rampas kedudukan Jantan Alfa yang kini dipegang oleh The King. Tanda yang pergaduhan besar itu akan berlaku ialah Blackie dan ketiga anjing betina tiba-tiba menghilang, tiada kesan untuk sekian lama. Ini bererti mesti terjadi perkelahian mati-matian antara Tosay dan The King, satu lawan satu.

Disebabkan pergadungan anjing adalah peristiwa yang penuh berdarah maka aku rengkaskan keputusannya. Hari Tosay menjadi Jantan Alfa, menguasai alam Retreat Tongahair Omeh, aku berjogging dengan Tosay menemani. Tosay berjalan di sisi, kemudian di belakang lepas itu di hadapanku selang beberapa kaki. Menjaga aku adalah tanggungjawab yang paling disukainya. Seelok saja aku membelok selekoh yang berbukit itu, aku biarkan Tosay pergi meluru ke kaki bukit, di mana The King sedang menunggu.

Pergaduhan berlangsung.

Aku perhatikan betapa ganas dan dasyatnya masing-masing cuba mencekup leher musuh.

Keputusan: The King kalah, undur dengan ekornya di celah kaki terengsot-engsot turun ke anak sungai di belakang rumah, lehernya berlumuran darah. Dia pilih untuk mati di dalam sungai, dihanyutkan air ke hulu.

Aku bawa Tosay jumpa doktor haiwan di bandar, yang menjahit luka di kaki depan, tengkuk, telinganya. Ternyata, The King tidak dapat menangkap leher Tosay.

Blackie dan tiga betina muncul semula pada esok harinya, mengikut Tosay yang kini menjadi ketua. Tosay tidak suka pada Blackie, masih teringat kena buli masa dia kecil. Walaupun di mana-mana Tosay pergi diiringi oleh Blackie, Tosay memberi isyarat bahawa tugasnya tidak lagi diperlukan. Begitu terhina Blackie ditolak begitu maka dia pun melemaskan dirinya di dalam sungai di belakang rumahku. Ketiga-tiga betinanya itu menjadi milik Tosay.

Tetapi kekuasaan Tosay tidak lama.

Satu pagi, aku turun hendak bertukang, terserempak dengan Tosay terbaring di depan pintu bengkel, mulutnya berbuih, kena racun. Aku mengorek lubang lahad tiga kaki dan tanam dia di belakang rumahku. Kutanam sebatang pulasan di atasnya.

Mahmud memberitahu bahawa Sukuni telah masuk kawasan dan memasang daging beracun. Kini dia lari semula ke Siam, untuk menyorok, entah sampai bila-bila.

Demikianlah riwayat hidup seekor anjing: ringkas dan dramatik, dari longkang ke lahad, dalam sekelip mata.

Diamond Creeks, 30 September 2020

Biodata Penulis:

Zakaria Ali, kelahiran Kampung Batu, Rembau, Negeri Sembilan pada 21 Julai 1946. Berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah dari Harvard University (1991). Merupakan mantan profesor di Universiti Pendidikan Sultan Idris, sebelumnya di Universiti Sains Malaysia dan terkini di ATMA, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau menulis pelbagai genre, antara karyanya novel *Empangan* (1991), kumpulan cerpen *Perahsia* (2019) dan kumpulan kritikan *Angsana: Essays on Modern Malay Literature* (2004). Buku terbarunya adalah *Diario de Mexico* (2020). Selain itu beliau aktif menterjemah dan melukis. Zakaria Ali adalah penerima Anugerah SEA Write 2003.